

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 OGOS 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Two students, teacher going to Arctic education expedition	BERNAMA
2.	Bertuah dapat teroka wilayah Artik	Harian Metro
3.	3 wakil Malaysia ikuti program di benua Artik	Utusan Malaysia
4.	Pengerang jadi lubuk emas pengusaha muda	BERNAMA



Two Students, Teacher Going To Arctic Education Expedition

SEPANG, Aug 7 (Bernama) -- Two students and a teacher from Terengganu will represent the country in the Education Expedition Programme to the Arctic region under the 2017 Students On Ice which will take place from Aug 8-23.

Rosbella Batrisyia Mohd Salleh, a form four student at Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Mahmud and Yusof Akmal Mohamad Rajihan, 16, from SMK Dato Razali Ismail Kuala Terengganu would depart for Ottawa, Canada from the KL International Airport Kuala Lumpur (KLIA) tonight.

Also taking part in the expedition is Fathen Suriati Jusoh, a teacher from SMK Chukai, Kemaman.

The trio succeeded in qualifying themselves for the programme to the North Pole after passing several tight screenings and selections handled by the Sultan Mizan Antarctic Education (YPASM) in May for two weeks.

Speaking at their flagging off ceremony here, **Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) secretary-general Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya** said the annual programme, which was implemented by the ministry via YPASM, was aimed at fostering interest in science among students.

He said it could simultaneously turn out more researchers who could help in the expansion of science in the country.

"The expedition can create understanding on the issue of changing climate in the Arctic and a major impact to Malaysia which is surrounded by sea despite being 10,000 km away," he said.

The two-week programme, starting tomorrow, would give exposure to the participants on the Arctic environment and its relationship to the culture of the local people.

According to Mohd Azhar, the participants would arrive in Ottawa before boarding a ship from Kangerlussuaq, Greenland to explore the region with more than 100 secondary school students worldwide and support staff.

Meanwhile, the three participants expressed their thanks to the Terengganu state government, Mosti and YPASM for giving them the opportunity to bring glory to Malaysia internationally.

They were most excited at taking part in the expedition and had made mental and physical preparations.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 8 OGOS 2017 (SELASA)

Bertuah dapat teroka wilayah Artik



ROSBELLA (kiri) bersama Yusuf Akmal dan Fathen Suriati pada majlis pelepasan Ekspedisi Pendidikan ke Wilayah Artik 2017.

Sepang: "Saya akan mengumpulkan seberapa banyak ilmu dan pengalaman sepanjang di wilayah Artik dan berkongsi dengan rakan di sekolah sebaik pulang dari ekspedisi ini kelak," kata peserta ekspedisi pendidikan ke wilayah Artik di bawah program Student On Ice: Arctic Educational Expedition 2017, Rosbella Batrisysia Mohd Salleh, 16.

Rosbella antara tiga peserta yang terpilih menyertai ekspedisi berkenaan bersama dua lagi peserta iaitu guru bahasa Inggeris dari Sekolah Menengah Kebangsaan Chukai, Kemaman, Fathen Suriati Jusoh, 30, dan pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud, Besut, Terengganu Yusuf Akmal Mohamad Rahijan, 16.

Mereka bertiga akan mengikuti ekspedisi berkenaan bermula pada 8 hingga 23 Ogos ini dan majlis pelepasan mereka disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya pada satu majlis ringkas di

sini, semalam.

Ketiga-tiga peserta berlepas ke Ottawa, Kanada dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) jam 11.20 malam tadi sebelum dibawa menaiki kapal laut dari Kangerlussuaq, Greenland untuk menerokai wilayah Artik bersama 100 pelajar lain dari seluruh dunia.

Rosbella yang juga pelajar Sekolah Kebangsaan Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu berkata, dia tidak menyangka kerana terpilih dalam kalangan dua pelajar bertuah daripada 58 pelajar yang mengikuti sesi pemilihan awal.

Beliau berkata, dia akan menggunakan peluang berkenaan sepenuhnya untuk menimba seberapa banyak ilmu mengenai wilayah Artik sebelum berkongsi dengan rakan lain di Malaysia.

"Secara peribadi saya bersyukur kerana terpilih mengharumkan nama negara dan ia satu peluang sekali dalam seumur hidup," katanya ketika ditemui semalam.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 8 OGOS 2017 (SELASA)

3 wakili Malaysia ikuti program di benua Artik

SEPANG 7 Ogos - Dua pelajar dan seorang guru akan mewakili Malaysia dalam ekspedisi pendidikan Student On Ice di benua Artik yang berlangsung selama dua minggu bermula esok.

Dua pelajar terabit ialah Rosbella Batrisyia Mohd. Salleh dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Mahmud, Besut, Terengganu dan Yusof Akmal Mohamad Rajihan dari SMK Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu.

Selain mereka, guru terpilih adalah Fathen Suriati Jusoh dari SMK Chukai, Kemaman.

Mereka bersama lebih 100 pelajar, guru dan saintis dari seluruh dunia antaranya Kanada, Amerika Syarikat dan Jepun akan mengambil bahagian dalam ekspedisi pendidikan itu.

Ketiga-tiganya terpilih setelah melayakkan diri selepas melepasi beberapa saringan dan pemilihan ketat yang dikendalikan Yayasan Pendidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) serta Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi, Mei lalu.

Menurut Rosbella Batrisyia, dia melepasi saringan pertama dengan membuat karangan dalam bahasa Inggeris sebelum dipanggil untuk sesi temu duga di Kuala Terengganu bersama hampir 200 pelajar lain mewakili pelbagai sekolah.

"Selepas lulus temu duga, saya



ROSBELLA BATRISYIA MOHD. SALLEH (kiri), Yusof Akmal Mohamad Rajihan dan Fathen Suriati Jusoh mewakili Malaysia dalam ekspedisi pendidikan Student On Ice di benua Artik selama dua minggu. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

bersama 56 pelajar terpilih dipanggil menjalani sesi pemilihan seterusnya.

"Pada peringkat ini, saya perlu membuat karangan dalam bahasa Inggeris bertajuk Harapan untuk Artik selain mengadakan debat bahasa Inggeris dengan tajuk Mengapa Malaysia Perlu Terus Kajian di Artik," katanya.

Dia berkata demikian ketika ditemui dalam Majlis Pelepasan

Ekspedisi yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya di sini, hari ini.

Mereka akan berlepas ke Ottawa, Kanada dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada malam ini sebelum dibawa menaiki kapal laut dari Kangerlussuaq, Greenland untuk ke benua Artik.



Pengerang Jadi Lubuk Emas Pengusaha Muda

KOTA TINGGI, 7 Ogos (Bernama) -- Siapa sangka Pengerang yang dahulunya dilabel sebagai 'tempat jin bertandang' kini menjadi lubuk emas kepada penduduk sekitar, khususnya pengusaha muda selepas projek Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) dijalankan pada tahun 2013.

Terletak kira-kira 100 kilometer (km) dari bandar Johor Bahru, ia pada mulanya hanya dipenuhi dengan tanaman kelapa sawit, kelapa dan getah dengan tarikan utama seperti pusat peranginan Desaru dan Pantai Batu Layar.

Namun begitu, segalanya berubah apabila Pengerang kini pesat membangun dengan kehadiran kapal-kapal besar yang bersauh, lambakan gerai makanan dan minuman selain lebih banyak kemudahan seperti jalan raya dan aktiviti perniagaan, sama ada kecil atau besar.

Antara yang mendapat manfaat daripada pembangunan ini adalah seorang pemuda berusia 28 tahun yang menjalankan perniagaan membekalkan air bersih kepada kapal-kapal perdagangan yang berlabuh di perairan negara.

Kapten Mohd Hafiq Mohd Taib, yang merupakan Pengarah Urusan Belungkor Services Sdn Bhd, kini mengendalikan empat buah kapal persendirian menghantar kira-kira 300 tan air kepada kapal-kapal berkenaan yang berlabuh di perairan Sungai Santi hingga ke Sungai Johor.

Mewarisi perniagaan tersebut daripada bapanya Mohd Taib Mohd Tahir, 63, beliau berkata syarikatnya berupaya menghasilkan 1,000 tan air dalam sehari kerana mempunyai kolam takungan sendiri dan menjalankan proses rawatan air sama seperti Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dan Syarikat Air Johor (SAJ).

"Dalam sebulan, kami mampu menjual sehingga 7,000 tan air pada harga RM35 setiap tan bergantung pada permintaan. Ini kerana kapal-kapal ini memerlukan bekalan air bersih yang banyak untuk digunakan bagi kegunaan harian dan perjalanan mereka, "katanya ketika ditemui Bernama baru-baru ini.

Jelas Mohd Hafiq, kapal-kapal gergasi ini sebelumnya menghasilkan air bersih melalui proses penyejatan air laut menggunakan haba daripada enjin kapal yang akan mengakibatkan minyak enjin cepat habis dan merugikan.

"Jadi idea ayah saya adalah membekalkan kapal-kapal ini dengan air bersih, kita pun minta pertolongan daripada pakar-pakar SAJ, **Jabatan Kimia**, dan Kementerian Kesihatan untuk bantu kami memastikan air bersih yang dijual dan dihasilkan tersebut benar-benar berkualiti," jelasnya.

Menurutnya, ada empat syarikat yang menjalankan perniagaan sama di Singapura, bagaimanapun hanya syarikatnya satu-satunya yang menjalankan perniagaan itu di Pengerang.

Mohd Hafiq berkata dirinya mendapat pendedahan mengenai perniagaan ini sejak berusia lapan tahun dan pernah menerima pendidikan maritim di Pelita Akedemik Batang Kali, Selangor.

Pada masa ini, beliau mengendalikan perniagaan itu dengan dibantu 20 orang kakitangan dan kru kapal yang beroperasi selama 24 jam.

"Setiap kali kami keluar menghantar air, kami perlu melepasi pemeriksaan Jabatan Kastam, diikuti dengan pemeriksaan Jabatan Laut dan Jabatan Imigresen. Ia bukan satu kerja yang mudah dan apa yang paling penting adalah kualiti air yang kami bekalkan kepada pengguna, "katanya.

Justeru itu, Mohd Hafiq menyeru golongan muda untuk mengambil segala peluang pekerjaan yang tersedia di hadapan mereka terutama melibatkan peluang perniagaan.

"Berniaga memerlukan hati yang bersih supaya rezeki mudah datang, selain hati yang cekal supaya setiap kali kita ditimpa masalah, kita tidak akan cepat berputus asa.

"Selain itu, apa jua hasil yang kita peroleh perlu dikongsi dengan golongan yang susah dan sentiasa bersedekah, barulah perniagaan kita itu maju dan berkat, " jelasnya.

-- BERNAMA